



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

KUNJUNGAN MESRA HASIL BERFOKUS BIL. 1/2016 BERJAYA

Cyberjaya, 14 April - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) menganggap Kunjungan Mesra Hasil Berfokus (KMH) yang julung-julung kali diadakan selama 4 hari bermula 11 April lalu mencatatkan kejayaan.

Daripada 108 pembayar cukai syarikat yang dikenalpasti untuk dilawati kerana kegagalan mereka menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) tahun 2012, 2013 dan 2014, sebanyak 51 syarikat dapat dikesan dan LHDNM berjaya memperolehi maklumat pendapatan syarikat mereka. Baki 57 syarikat lagi tidak berjaya dikesan atas beberapa sebab seperti syarikat sudah menutup operasinya atau sudah berpindah alamat dan gagal memaklumkan penutupan operasi dan perubahan alamat tersebut kepada LHDNM.

Berdasarkan laporan akaun beraudit yang diperolehi dalam kunjungan tersebut secara puratanya 51 syarikat yang dikesan gagal melaporkan perolehan mereka sebanyak RM343.550 juta dengan purata nilai keuntungan bersih sebanyak RM118.544 juta. Nilai keuntungan bersih yang gagal dilaporkan kepada LHDNM ini menyebabkan kerajaan kerugian hasil cukai langsung sebanyak RM30.821 juta (anggaran). Mengikut peruntukan seksyen 112(3) Akta Cukai Pendapatan 1967, syarikat-syarikat ini juga boleh dikenakan penalti khas sehingga 3 kali ganda amaun cukai yang dikenakan berjumlah RM92.463 juta (anggaran).

Namun demikian bagi menggalakkan pembayar cukai yang masih belum kemukakan BNCP mereka kepada LHDNM tampil secara sukarela untuk melaporkan pendapatan tahun-tahun sebelum ini, LHDNM memberikan tawaran pengurangan penalti mulai 1 Mac lalu sehingga 15 Disember 2016. Pembayar cukai berkenaan boleh menghubungi Meja Bantuan Pengurangan Penalti dan Penghapusan Kenaikan Cukai di talian 03-8313 8885 atau boleh berurusan terus dengan Cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang menguruskan fail cukai mereka untuk memohon pengurangan penalti tersebut.

Atas kejayaan KMH kali pertama ini LHDNM menetapkan ia akan dijadikan aktiviti rutin penguatkuasaan cukai dan akan diperluaskan ke peringkat negeri seluruh negara.

Dalam perkembangan berkaitan, sepanjang tahun lalu LHDNM turut mencatatkan kejayaan aktiviti penguatkuasaan cukai seperti berikut:

Jadual 1: AUDIT CUKAI

Kategori Pembayar Cukai	Tahun	Kes Selesai	Cukai Tambahan Ditaksir (RM Juta)	Penalti dikenakan (RM Juta)	Jumlah Penyelesaian (RM Juta)
Syarikat	2014	98,615	1,587.515	378.482	1,965.997
	2015	137,838	3,398.689	1,212.152	4,610.841
Bukan Syarikat	2014	1,771,317	1,889.333	280.287	2,169.62
	2015	1,576,709	1,797.198	262.637	2,059.835
Petroleum	2014	164	162.207	10.501	172.708
	2015	150	2,111.721	950.408	3,062.129
Multinasional	2014	94	124.155	44.936	169.091
	2015	215	92.875	17.847	110.722

Jadual 2: SIASATAN CUKAI

Tahun	Bilangan Kes	Amaun Cukai Ditaksir & Penalti Dikenakan (RM Juta)
2014	885	594.411
2015	1,283	915.272

Jadual 3: Tindakan Guaman Sivil dan Pendakwaan

Tindakan	Tahun	
	2014	2015
Saman Difailkan	32,850	35,666
Pelaksanaan Penghakiman:		
a. Kebankrapan	594	709
b. Petisyen Penggugungan Syarikat	256	414
c. Writ Penyitaan & Penjualan dan Saman Penghutang Penghakiman	6,194	5,838

Jadual 4: Tindakan Larangan Meninggalkan Negara (Sekatan Perjalanan)

Jenis Cukai	Tahun	Bilangan Kes Berkuatkuasa	Amaun Cukai Tertunggak (RM Juta)
Cukai Pendapatan (Seksyen 104 Akta Cukai Pendapatan 1967)	2014	114,860	3,222.647
	2015	101,702	2,561.736
Cukai Keuntungan Harta Tanah (Seksyen 22 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976)	2014	13,755	213.546
	2015	11,288	163.982

Jadual 5: Tindakan Pendakwaan Majikan (Gagal Meremit Potongan Cukai Bulanan)

Tahun	Bilangan Kes
2014	32
2015	77

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

HASIL Teman Keceriaan Anda

Dikeluarkan oleh:

Masrun Bin Maslim | Customer Care Officer (Media)

Bahagian Komunikasi Korporat & Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat |

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 019-222 0034 | 03-8313 8888 samb. 21326 / 21371 | 📠 : 03-8313 7836

Pusat Khidmat Pelanggan : 1-800-88-5436 (LHDN) | Laman Web : www.hasil.gov.my

Tarikh : 14 April 2016

Kenyataan Media LHDNM, 14 April 2016